

Pembinaan rumah kos rendah atasi penempatan haram

BH - 4 MAY 2001

PEMBINAAN penempatan baru kepada penghuni setinggan sedang giat dijalankan setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui pembinaan beberapa unit perumahan kos rendah di beberapa kawasan terpilih. Langkah itu sudah dijalankan PBT, khususnya bagi memastikan hasrat kerajaan supaya negara bebas daripada setinggan pada 2005 tercapai.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta penduduk setinggan tidak mengenakan pelbagai syarat apabila kerajaan mahu memindahkan mereka dari kawasan yang diduduki.

Malah, Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa mereka tidak sepatutnya menuntut jumlah pampasan yang tinggi dan harga rumah terlalu rendah daripada kerajaan.

Katanya, kerajaan sudah berusaha sedaya upaya, termasuk memberi subsidi kepada pembinaan rumah kos rendah yang harganya tidak melebihi RM25,000 seunit supaya penduduk setinggan dapat memiliki rumah sempurna.

Bagi memastikan pembangunan negara terancang, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai perancangan dan pelan pembangunan supaya masalah sosial tidak berlaku.

Di Selangor, setiap PBT dikehendaki mematuhi Pelan Tindakan Negeri ke arah mewujudkan sistem pembangunan terancang dan mengambil kira kemampuan rakyat memiliki kediaman sendiri.

Sehubungan itu, sikap penghuni setinggan yang sering menyalahkan PBT ketika mereka ditawarkan lot kediaman kos rendah, adalah punca mengapa masalah penempatan setinggan di beberapa kawasan lambat diselesaikan.

Antaranya, ada yang mengemukakan alasan bahawa rumah kos rendah yang dibina PBT tidak strategik, jauh daripada tempat kerja dan tidak memenuhi kehendak mereka.

Kata Ketua Unit Setinggan Majlis Perbandaran Selangor (MPS), Affendei

berlaku di beberapa kawasan setinggan di sekitar MPS.

Katanya, ada beberapa kes penghuni setinggan enggan berpindah walaupun telah disediakan penempatan baru. Mereka mendakwa penempatan baru yang disediakan MPS tidak strategik dan jauh dari tempat kerja.

"Kes terbaru membabitkan penghuni setinggan Batu Cave 2. Mereka diarah supaya menandatangani perjanjian perpindahan ke kawasan baru di penempatan perumahan kos rendah Taman Selayang Makmor, berhampiran dengan Pasar Besar Selayang," katanya.

Beliau berkata, berikutan itu, MPS terpaksa meneruskan rundingan dengan penghuni itu yang secara tidak langsung melambatkan perancangan pembangunan MPS.

Katanya, bagi penempatan semula setinggan, MPS mengutamakan penghuni setinggan yang berdaftar dalam rekod bancian setinggan 1998.

Beliau berkata, ada kalangan yang enggan berpindah mahukan penempatan setinggan mereka dibangunkan dengan rumah bandar.

Bagaimanapun katanya, alasan yang diberikan mereka tidak wajar kerana kajian MPS mendapati kebanyakan penghuni itu daripada golongan berpendapatan rendah.

Justeru katanya, sikap

setiap penghuni setinggan kerana kerajaan dan PBT telah banyak memberi peluang kepada mereka.

"Mereka sepatutnya bersyukur kerana mereka diberi peluang oleh kerajaan dan PBT mendiami kawasan itu tanpa dikenakan sesen pun.

"Mereka pasti mempunyai sumber kewangan yang kukuh untuk membeli rumah yang ditawarkan kerajaan," katanya.

Katanya, harga rumah yang ditawarkan kepada penghuni setinggan jauh lebih murah berbanding pembelian lain.

Katanya, kerajaan Selangor menetapkan harga seunit rumah kos rendah hanya RM35,000 berbanding RM42,000 bagi pembeli bukan setinggan.

Selain melengahkan pelaksanaan pembangunan PBT, sikap setinggan itu turut menjejaskan matlamat Selangor mahu mencapai Setinggan Sifar 2005.

Berdasarkan rekod terkini, sebanyak 4,095 keluarga setinggan mendiami beberapa kawasan di sekitar MPS. Daripada jumlah itu, 3,646 adalah setinggan tempatan manakala selebihnya setinggan asing.

Mengikuti taburan Dewan Undangan Negeri (DUN), DUN Selayang Baru mencatatkan kadar jumlah keluarga setinggan paling banyak iaitu 1,574. Ia diikuti DUN Sungai Tua 1,084, DUN Gombak Setia 768, DUN Paya Jaras 453 dan DUN Rawang 221.

Affendei berkata, bagi mencapai matlamat Selangor Setinggan Sifar 2005, MPS sudah melaksanakan beberapa langkah iaitu merobohkan penempatan setinggan yang didirikan selepas Januari 1998.

Katanya, jumlah 4,095 keluarga setinggan yang ada kini adalah jumlah penghuni setinggan berasaskan bancian ketika itu.

"Jika MPS mendapati ada penempatan baru yang didirikan melebihi rekod bancian 1998, penempatan setinggan baru itu akan dirobohkan," katanya.

Beliau berkata, hingga kini, sebanyak 10,548 unit rumah kos rendah sekitar MPS disediakan bagi penempatan